

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 9 OGOS 2021

KERATAN AKHBAR

Tiada pencemaran Sungai Langat akibat kilang kertas kitar semula - LUAS

KUALA LANGAT - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mendapati kualiti air di dalam kolam takungan berdekatan sebuah kilang kertas kitar semula di sini berada dalam keadaan baik dan tidak tercemar.

Siasatan di lokasi tersebut dibuat susulan aduan diterima LUAS pada April lalu.

LUAS menerusi satu kenyataan berkata, siasatan pada bulan sama juga mendapati Indeks Kualiti Air (IKA) di muka sauk Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang di hulu premis tersebut berada dalam keadaan baik iaitu Kelas II dan tiada gangguan terhadap abstraksi muka sauk bekalan air.

Katanya, siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mendapati

pelepasan efluen dari premis tersebut tidak memasuki kolam takungan.

"Pemeriksaan lanjut JAS pada Jun lalu mendapati pelepasan efluen perindustrian premis tersebut mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 selaras Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Pemeriksaan terhadap premis berkenaan juga dijalankan sekurang-kurangnya tiga kali oleh JAS bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan ditetapkan.

"IKA Sungai Langat terkini pada Julai 2021 menunjukkan peningkatan kepada 81 berbanding pada 2020 iaitu bacaan sebanyak 72," kata kenyataan tersebut pada Ahad.

Sementara itu, LUAS memaklum-

kan hasil siasatan dan penemuan tersebut turut dibincangkan bersama JAS, Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) serta wakil daripada Gabungan Lestari Alam Kuala Langat (GLAM).

Ujarnya, kualiti sumber air dan aktiviti persekitaran di Lembangan Sungai Langat yang berpotensi menyebabkan pencemaran dan menjejaskan muka sauk bekalan air akan dipantau dari semasa ke semasa.

"LUAS juga mengambil maklum akan beberapa penemuan dan aktiviti lain di lokasi sekitar dan kawasan berkaitan dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melakukan pencemaran sumber air dan tindakan tegas akan diambil," katanya.



LUAS memantau kualiti air kolam takungan berdekatan sebuah kilang kertas kitar semula di Kuala Langat.